Agregat semua peratusan yang kena dibayar berhubung dengan semua **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** tidak akan melebihi seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan**. Kehilangan lain yang kurang daripada seratus peratus (100%) yang telah dibayar, akan mengurangkan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah manfaat Kematian atau **Hilang Upaya Kekal** sebanyak jumlah peratusan tersebut dari **Tarikh Kemalangan** sehingga tamat **Tempoh Insurans**.

Sekiranya seratus peratus (100%) **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** telah dibayar semasa **Tempoh Insurans**, semua perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkenaan (termasuk manfaat Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan) akan berhenti berkuatkuasa dengan serta-merta dan selepas **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** selesai dibayar, tanggungjawab **Syarikat** terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** akan dilepaskan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang lain di bawah **Polisi Induk** ini, mana-mana yang berkaitan, tidak akan terjejas.

2. Perbelanjaan Perubatan Dan Pembedahan

Syarikat akan membayar balik perbelanjaan perubatan, hospital atau pembedahan yang sebenar, perlu, dan munasabah yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dalam rawatan **Kecederaan**, dengan syarat rawatan tersebut diterima daripada **Pengamal Perubatan** yang berkelayakan atau semasa dirawat di hospital kerajaan atau hospital swasta yang berlesen dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans** bagi manfaat ini.

Pampasan di bawah manfaat Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan hanya akan dibayar jika rawatan perubatan dan pembedahan tersebut diberi kepada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh seorang **Pengamal Perubatan** dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan dari **Tarikh Kemalangan**, dengan syarat bahawa perbelanjaan pertama ditanggung dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu dari **Tarikh Kemalangan**. **Syarikat** akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang perlu dan berpatutan yang ditanggung sehingga maksimum yang ditunjuk dalam Jadual bagi mana-mana satu **Kemalangan**.

Pengecualian

Polisi Induk ini tidak melindungi kematian atau sebarang **Kecederaan** atau **Hilang Upaya Kekal** atau kerugian yang lain yang dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau yang berhubung dengan mana-mana yang berikut kecuali jika dinyatakan sebaliknya:-

1. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytihar atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, dahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera atau awam, mogok, rusuhan atau kekecohan awam;

2. Tidak siuman, perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya atau kecederaan diri yang disengajakan;
3. Apa-apa bentuk penyakit, parasit atau jangkitan dan Sindrom Kurang Daya tahan penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau penyakit berkaitan dengan Virus Kurang Daya Ketahanan (HIV), walau bagaimanapun Sindrom itu telah diperolehi atau mungkin dinamakan;
4. Kemabukan oleh alkohol atau dadah yang melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah di sisi undang-undang;
5. Kelahiran, keguguran, atau sebarang komplikasi yang timbul daripada kehamilan kecuali semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh **Kemalangan**;
6. Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi;
7. Ketika dalam perjalanan di dalam sebuah pesawat udara yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai anggota anak kapal.
8. Ketika melakukan atau cuba untuk melakukan apa-apa kegiatan yang menyalahi undang-undang;
9. Kematian atau hilang upaya atau apa-apa kerugian lain yang berlaku ke atas **Orang Yang Diinsuranskan** yang terlibat dalam pemburuan, pendakian gunung, permainan hoki air, permainan polo, perlumbaan kuda berhalang, sukan musim sejuk, seni pertahanan diri atau tinju, ragbi, aktiviti-aktiviti udara termasuk lompatan payung terjun dan peluncuran gantung, apa-apa jenis perlumbaan selain daripada lumba jalan atau lari, sukan layar, luncur ski air, aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan, sukan profesional, aktiviti membalak dan mengguna mesin kerja kayu yang dikendalikan oleh kuasa mekanik; dan
10. Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan dari bahan bakar nuklear atau bahan buangan nuclear dari proses pembelahan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuklear.

Peruntukan Istimewa

1. Melainkan jika dipersetujui dan diendors sebaliknya pada dokumen ini pampasan yang patut dibayar berhubung dengan kematian dan **Hilang Upaya Kekal** yang berlaku ketika sebilangan **Orang Yang Diinsuranskan** berada atau mengembara di dalam pengangkutan yang sama, adalah terhad kepada maksimum RM3,500,000. Sekiranya agregat pampasan yang kena dibayar melebihi amaun tersebut, **Syarikat** akan membayar tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan** masing-masing mengikut asas bersekadaran.
2. Pampasan hanya akan dibayar apabila tuntutan telah terbukti dengan memuaskan kepada **Syarikat**.
3. **Kelayakan – Polisi Induk** ini melindungi pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) di Malaysia dan berumur dari lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun.
4. **Tempoh Tangguh** – Perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** dibawah **Polisi Induk** ini tertakluk kepada **Tempoh Tangguh**.

Syarat Am

1. Tafsiran

Polisi Induk ini, jadual **Polisi** dan **Sijil Insurans** hendaklah dibaca secara bersama sebagai sebuah kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang telah diberi makna tertentu di mana-mana bahagian **Polisi Induk** ini hendaklah membawa makna yang sedemikian di mana sahaja itu mungkin muncul.

2. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan dan syarat **Polisi Induk** ini dengan sewajarnya oleh **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** selagi ianya berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah menjadi syarat terdahulu apa-apa liabiliti **Syarikat** di bawah **Polisi Induk** ini.

3. Langkah Berjaga-Jaga

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang wajar untuk mencegah **Kemalangan**.

4. Notis

Setiap notis atau komunikasi kepada **Syarikat** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan **Syarikat**.

5. Salah Nyata Atau Ketinggalan Fakta Penting

Tertakluk kepada kewajipan pendedahan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkaitan, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang salah nyata atau fakta penting ditinggalkan di dalam boring pendedahan atau dokumen lain yang diserahkan kepada **Syarikat**.

Sekiranya tuntutan yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkaitan, adalah palsu atau keterlaluan, atau ada pengisytiharan atau pernyataan palsu yang dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Syarikat** berhak untuk menolak atau mengurangkan tuntutan atau menamatkan Polisi Induk ini atau perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang mungkin.

6. Pindaan

Syarikat berhak meminda terma dan peruntukan **Polisi Induk** ini dan pindaan tersebut hanya sah jika dibenarkan secara bertulis oleh **Syarikat** dan diendorskan atas **Polisi Induk** ini.

Syarikat akan memberi notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, di alamat terakhir mereka yang diketahui mengikut rekod **Syarikat** sebelum sebarang pindaan berkuatkuasa. Sebarang pindaan akan berkuatkuasa dari pembaharuan **Polisi Induk** yang seterusnya.

7. Prosedur Tuntutan

(a) Apabila berlaku apa-apa **Kemalangan** yang boleh menimbulkan suatu tuntutan di bawah **Polisi Induk** ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Kemalangan**, memberi notis secara bertulis kepada **Syarikat** dengan menyatakan keadaan **Kemalangan** secara penuh dan mengemukakan semua dokumen yang berkaitan berkaitan dalam masa yang munasabah untuk pemeriksaan **Syarikat** dan berkerjasama dengan **Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan**.

(b) Bukti kerugian bertulis, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, resit asal, laporan polis dan bukti lain seperti yang dikehendaki untuk menyokong tuntutan itu, mesti diberikan kepada **Syarikat** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari **Tarikh Kemalangan**.

(c) Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan atau mengurangkan sebarang tuntutan sekiranya mustahil untuk memberikan bukti dalam masa yang ditetapkan

dengan syarat bukti sedemikian perlu diberikan secepat mungkin dan dalam apa keadaan pun, kecuali jika tiada keupayaan dari segi undang-undang, selewat-lewatnya satu (1) tahun dari masa bukti yang dikehendaki.

- (d) Semua dokumen dan bukti yang disediakan adalah atas perbelanjaan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau orang yang layak menerima wang melalui **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan ("**Penuntut**") dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh **Syarikat**.

8. Penamatan Insurans

(a) Penamatan oleh Pemegang Polisi

Jika **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi Induk** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis yang diterima oleh Syarikat atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, yang mana kemudian. Walaupun **Polisi Induk** ini ditamatkan, perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi Induk** ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan dalam di **Sijil Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

(b) Penamatan oleh Orang Yang Diinsuranskan

Jika **Orang Yang Diinsuranskan** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan perlindungan individunya di bawah **Polisi Induk** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis yang diterima oleh **Syarikat** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana kemudian. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan**, kadar jangka pendek akan dipakai, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam **Tempoh Insurans** yang timbul pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan sewajarnya kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

Skala Kadar Jangka Pendek:

Tempoh Diinsuranskan	Peratusan Premium Tahunan yang Dikenakan
2 Bulan (Minimum)	40%
3 Bulan	50%
4 Bulan	60%
5 Bulan	70%
6 Bulan	75%
Lebih 6 Bulan	100%

(c) Penamatan oleh Syarikat

Sekiranya **Syarikat** menamatkan **Polisi Induk** ini atau mana-mana perlindungan individu di bawah **Polisi Induk** ini menurut syarat Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting atau dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, **Syarikat** akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang mungkin, di alamat terakhirnya di Malaysia. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan **Polisi** ini atau perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini, mana-mana yang berkenaan, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada **Orang Yang Diinsuranskan**, dengan syarat tidak terdapat apa-

apa tuntutan yang telah dibuat dalam **Tempoh Insurans** yang timbul pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(d) Penamatan Secara Automatik

Insurans bagi mana-mana satu **Orang Yang Diinsuranskan** akan tamat secara automatik apabila berlaku kejadian-kejadian yang berikut, yang mana lebih awal:

- (i) pada tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Orang Yang Diinsuranskan** telah mencapai umur enam puluh (60) tahun bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans**;
- (ii) kematian **Orang Yang Diinsuranskan** atau apabila agregat **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkenaan telah dibayar sepenuhnya;
- (iii) apabila **Orang Yang Diinsuranskan** tidak lagi didaftarkan dengan **Pemegang Polisi** sebagai pelarian atau pencari suaka atau kad pendaftaran **Orang Yang Diinsuranskan** dengan **Pemegang Polisi** telah luput; atau
- (iv) apabila **Orang Yang Diinsuranskan** keluar dari Malaysia bagi apa jua alasan.

9. Had Sekatan Dan Klausu Pengecualian

Tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama dianggap memberikan perlindungan dan tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa manfaat dibawah Polisi ini, dimana pembayaran tuntutan atau provisi untuk manfaat berkaitan akan mendedahkan penanggung insurans/penanggung insurans bersama itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

10. Undang-Undang Terpakai

Polisi Induk ini tertakluk kepada dan hendaklah ditafsirkan dan ditentukan selaras dengan undang-undang Malaysia dan mahkamah-mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif di sini.

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan semula **Polisi Induk** ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis tentang kerugian diberikan menurut keperluan **Polisi Induk** ini. Jika **Orang Yang Diinsuranskan** gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang dinyatakan oleh terma, peruntukan dan syarat **Polisi Induk**, maka **Orang Yang Diinsuranskan** boleh dalam tempoh ihsan bagi satu (1) tahun kalendar dari masa bukti bertulis bagi kerugian itu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada **Syarikat** dengan alasan yang kukuh atas kegagalan mematuhi terma, peruntukan dan syarat **Polisi Induk**. Selepas tempoh ihsan itu tamat, **Syarikat** tidak akan menerima, walau dengan apa-apa alasan sekalipun bukti bertulis tentang kerugian itu.

11. Kewajipan Pendedahan

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan**, **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh **Syarikat** dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui ada berkaitan dengan keputusan **Syarikat** menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya

ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Orang Yang Diinsuranskan**, **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Orang Yang Diinsuranskan** tahu sebagai berkaitan dengan keputusan **Syarikat** dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(c) **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

12. Kebenaran Menggunakan Data Peribadi

(a) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mewakili dan menjamin bahawa jika dia mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain kepada **Syarikat**, bahawa dia mempunyai kebenaran untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut, bahawa dia telah memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut mengenai tujuan maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang boleh menerima maklumat peribadi mereka berikutan pendedahan oleh **Syarikat**, dan bahawa **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain bersetuju bahawa **Syarikat** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran Polisi ini) mengikut Notis Privasi **Syarikat** seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di allianz.com.my.

(b) Peraturan Perlindungan Data Umum ("General Data Protection Regulation" atau "GDPR")

Sekiranya ada **Orang Yang Diinsuranskan** ingin menggunakan hak GDPR mereka, **Pemegang Polisi** akan memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** untuk menulis kepada **Syarikat** di privacy@allianz.com.my agar **Syarikat** dapat menilai dan mematuhi Undang-undang Privasi EU – GDPR.

13. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "**Cukai Berkenaan**") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/ atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi Induk ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi Induk ini mengenai pembayaran premium dan keingkar akan turut digunakan dengan Cukai Berkenaan.

Adalah Dengan Ini Ditetapkan Dan Dipersetujui Bahawa Polisi Tertakluk Kepada Fasal/Endorsemen Berikut:

1. Fasal Perluasan Rampasan

Adalah dengan ini ditetapkan dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang terkandung dalam dokumen ini, **Polisi Induk** ini diperluaskan untuk melindungi kematian kemalangan atau hilang upaya atau **Kecederaan** ke atas **Orang Yang Diinsuranskan** yang dialami sebagai akibat langsung daripada penyitaan yang menyalahi undang-undang atau penguasaan salah sebuah pesawat udara, kapal atau pengangkutan awam.

2. Fasal Keracunan Makanan Dan Gas

Adalah dengan ini ditetapkan dan dipersetujui bahawa **Polisi Induk** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau apa-apa lain seperti yang diperuntukkan oleh **Polisi Induk** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat keracunan makanan atau keracunan gas yang tidak sengaja.

3. Kelemasan

Adalah dengan ini ditetapkan dan dipersetujui bahawa **Polisi Induk** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau apa-apa kerugian lain seperti yang diperuntukkan oleh **Polisi Induk** yang berbangkit daripada atau akibat daripada kelemahan dengan atau tanpa apa-apa tanda kecederaan luaran atau hebat yang nyata.

4. Gigitan Serangga, Ular Dan Binatang

Adalah dengan ini ditetapkan dan dipersetujui bahawa **Polisi Induk** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau Kecederaan ke atas **Orang Yang Diinsuranskan** yang berbangkit daripada gigitan merbahaya serangga, ular dan binatang lain termasuk kematian atau **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat penyakit yang disebabkan oleh parasit, bakteria atau virus yang dibawa oleh serangga, ular dan haiwan tersebut.

5. Kelenyapan

Walau apapun yang terkandung dalam dokumen ini yang mungkin berlawanan dengan klausa ini, ia adalah dipersetujui bahawa jika selepas tempoh satu (1) tahun telah berlalu dari tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** dilaporkan hilang kepada polis atau pihak berkuasa yang berkaitan dan setelah mengkaji semua keterangan yang ada, **Syarikat** tidak mempunyai apa-apa sebab untuk mengandaikan selain daripada sesuatu **Kemalangan** telah berlaku yang berkemungkinan besar telah mengakibatkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, kelenyapan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah dianggap sebagai tuntutan kematian di bawah **Polisi Induk** ini. Walau bagaimanapun, jika pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat, **Orang Yang Diinsuranskan** didapati hidup, sebarang jumlah wang yang dibayar oleh **Syarikat** dalam penyelesaian tuntutan itu perlu dikembalikan kepada **Syarikat**.

6. Bencana Alam

Adalah dengan ini ditetapkan dan dipersetujui bahawa **Polisi Induk** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** yang disebabkan oleh gempa, bumi, ribut angin, banjir, letupan gunung berapi, kilat, ribut taufan, ribut siklon, taufan, tsunami dan ombak besar dan ganas.

7. Pendedahan Kepada Unsur Alam

Adalah dengan ini ditetapkan dan dipersetujui bahawa **Polisi Induk** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau apa-apa kerugian lain seperti yang diperuntukkan oleh **Polisi Induk** yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur alam.

Definisi

Kemalangan bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak dijangka pada masa dan di tempat yang dikenal pasti, bebas dari apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi **Kecederaan**.

Sijil Insurans bermaksud **Sijil Insurans** yang dikeluarkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** di mana perincian perlindungan termasuk butir-butir yang berkenaan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan.

Tarikh Kemalangan bermaksud tarikh ketika salah satu daripada **Kecederaan** dan mana-mana kejadian lain yang dilindungi berlaku; dialami; dan/atau dijangkiti oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Kecederaan bermaksud kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh **Kemalangan**.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud orang yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

Polisi Induk/Polisi bermaksud dokumen Polisi ini, jadual Polisi dan **Sijil Insurans** di mana perincian perlindungan termasuk butir-butir yang berkenaan dengan **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan, dan semua endorsan yang dilampirkan pada Polisi ini.

Pengamal Perubatan bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang dilesenkan oleh pihak berkuasa perubatan negara di mana rawatan diberikan dan beliau sedang mengamalkan profesionnya mengikut skop perlesenan dan latihannya.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam **Sijil Insurans** di mana **Orang Yang Diinsuranskan** diinsuranskan, tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian dalam **Polisi Induk** ini.

Hilang Upaya Kekal bermaksud keadaan yang dijelaskan di bawah Skala Manfaat di dalam **Polisi Induk** ini.

Pemegang Polisi bermaksud Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian ("UNHCR") bagi Pelarian dan Pencari Suaka Berdaftar di Malaysia.

Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bermaksud jumlah diinsuranskan kematian atau **Hilang Upaya Kekal** seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

Tempoh Tangguh bermaksud tiga puluh (30) hari pertama yang dikira dari permulaan **Tempoh Insurans** untuk tahun pertama Polisi ini atau tarikh pengembalian semula, mengikut mana-mana yang berkenaan. **Tempoh Tangguh** ini tidak akan berlaku selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, sekiranya perlindungan terhenti di bawah Polisi ini, **Tempoh Tangguh** akan terpakai semula.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

To attach schedule here /
Kepilkan Jadual di sini

Lodging of Complaints / *Penyerahan Aduan*

We are committed to maintaining high levels of service, honesty, integrity and trustworthiness. If you have any reason to be dissatisfied with any of our products or services, we would like to hear from you. Your feedback is very important to us as we are always looking for ways to improve and serve you better. To provide us with your feedback, you may contact us via the following channels / *Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami. Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:*

Write to / *Secara bertulis:*

Customer Feedback Center, Allianz Arena, Ground Floor Block 2A, Plaza Sentral,
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur

☎ 1 300 22 5542

📱@ Allianz Malaysia

✉ customer.service@allianz.com.my

🌐 allianz.com.my

Avenues to Seek Redress / *Saluran untuk Penyelesaian Aduan*

You may submit your complaint to the Ombudsman for Financial Services (OFS) if you are not satisfied with our final response or decision, in the event that your complaint is within the scope of the OFS as well as the following monetary thresholds / *Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:*

- (1) *Insurance claims not exceeding RM250,000.00; and / Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan*
- (2) *Motor third party property damage claims not exceeding RM10,000.00. / Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.*

The OFS can be contacted at the following address / *OFS boleh dihubungi di alamat berikut:*

Ombudsman for Financial Services, Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

☎ 03 2272 2811

☎ 03 2272 1577

✉ enquiry@ofs.org.my

🌐 www.ofs.org.my

If complaint does not fall within the purview of the OFS, you may refer your complaint to Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) of Bank Negara Malaysia (BNM) at the following address / *Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:*

Write to (BNMTELELINK) / *Secara Bertulis (BNMTELELINK):*

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Walk-in (BNMTELELINK) / *Secara Bersemuka (BNMTELELINK):*

Ground Floor, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

☎ 1300 88 5465

☎ 03 2174 1515

✉ bnmtelink@bnm.gov.my

🌐 www.bnm.gov.my

You may check with our Customer Feedback Center on the types of complaints handled by the OFS or BNM before submitting your complaint. / *Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.*



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542 Email: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my



Updated 10/24